



SUN LIFE MALAYSIA TAKAFUL BERHAD

DOKUMEN KONTRAK

Sun eSsential-i

KANDUNGAN

| <u>Bahagian</u> | <u>Tajuk</u> | <u>Muka surat</u> |
|-----------------|--|-------------------|
| Lampiran TTM001 | Pengenalan | 2 |
| Lampiran TTM002 | Peruntukan am | 3 |
| Lampiran TTM003 | Peruntukan manfaat - Manfaat kematian | 14 |
| Lampiran TTM004 | Peruntukan manfaat - Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) | 16 |

SAMPLE

LAMPIRAN TTM001

Pengenalan

Tujuan

Pelan takaful ini bertujuan untuk menyediakan perlindungan takaful kepada anda atau orang yang dilindungi sejajar dengan prinsip-prinsip di bawah dan akan diurus selaras dengan peruntukan-peruntukan yang ditunjukkan di bawah pelan ini.

Prinsip-prinsip asas

- Pertama** Kami akan menguruskan pelan takaful ini sejajar dengan kontrak Wakalah dan prinsip-prinsip Syariah yang berkenaan.
- Kedua** Anda dan orang yang dilindungi perlu bersetuju dengan kami mengumpul sumbangan. Anda dan orang yang dilindungi bersetuju untuk melantik Sun Life Malaysia Takaful Berhad menguruskan pelan takaful ini bagi pihak anda. Sebagai balasan, Anda dan orang yang dilindungi membenarkan kami menolak jumlah tertentu sebagai yuran Wakalah.
- Ketiga** Jawatankuasa Syariah kami akan memastikan operasi kami mematuhi Syariah pada setiap masa. Anda bersetuju bahawa sebahagian sumbangan akan diperuntukkan sebagai tabarru' (sumbangan sukarela) ke dalam dana tabarru' peserta untuk perlindungan takaful dan untuk bantuan kewangan bersama kepada peserta yang lain sekiranya berlaku musibah.

LAMPIRAN TTM002

Peruntukan am

1. Takrifan

- 1.1 Di dalam kontrak ini, perkataan dan frasa berikut membawa maksud yang diberikan di sebelahnya:
- (a) **Tarikh manfaat tamat** bermaksud tarikh perlindungan takaful untuk manfaat di bawah kontrak ini tamat seperti yang tertera di dalam jadual kontrak.
 - (b) **Tarikh manfaat bermula** bermaksud tarikh perlindungan takaful untuk manfaat di bawah kontrak ini bermula seperti yang tertera di dalam jadual kontrak.
 - (c) **Tarikh berkuatkuasa** bermaksud tarikh berkuatkuasa seperti yang tertera di dalam jadual kontrak.
 - (d) **Ulangtahun kontrak** bermaksud ulangtahun yang pertama dan yang berikutnya bagi kontrak ini bermula dari tarikh berkuatkuasa kontrak.
 - (e) **Ulangtahun bulanan kontrak** bermaksud tarikh pada mana-mana bulan berikutnya yang mempunyai hari yang sepadan dengan hari dalam tarikh berkuatkuasa; sekiranya tiada tarikh dalam mana-mana bulan kalendar berikutnya yang mempunyai hari yang sepadan dengan hari dalam tarikh berkuatkuasa, hari terakhir bulan tersebut akan dijadikan sebagai ulangtahun bulanan kontrak.
 - (f) **Pemegang kontrak** bermaksud orang yang memiliki kontrak ini dan yang boleh menggunakan semua hak, keistimewaan dan pilihan yang disediakan di bawah kontrak ini sebagaimana dinamakan di dalam jadual kontrak.
 - (g) **Jadual kontrak** bermaksud jadual yang mengandungi butiran pemegang kontrak, orang yang dilindungi, manfaat-manfaat, sumbangan dan tempoh kontrak, seperti yang dilampirkan bersama dokumen kontrak.
 - (h) **Sumbangan** bermaksud amaun sumbangan yang tertera di dalam jadual kontrak. Sumbangan perlu dibayar pada tarikh yang tertera di dalam jadual kontrak atau di dalam sebarang pengendorsan pada masa hadapan.
 - (i) **Tarikh tamat** bermaksud tarikh kontrak ini tamat seperti yang tertera di dalam jadual kontrak atau di dalam sebarang pengendorsan pada masa hadapan yang menukar tarikh tamat.
 - (j) **Pengendorsan** bermaksud bukti bertulis mengenai sebarang pindaan, perubahan atau penukaran yang dibuat ke atas kontrak dan jadual kontrak.
 - (k) **Tarikh dikeluarkan** bermaksud tarikh dikeluarkan seperti yang tertera di dalam jadual kontrak dan merupakan tarikh di mana perlindungan takaful untuk kontrak ini bermula.
 - (l) **Penama** bermaksud satu atau lebih orang yang telah anda pilih di bawah klausa 23 dan dinamakan di dalam borang penamaan atau di dalam sebarang pengendorsan pada masa hadapan sebagai penama.

- (m) **Dana tabarru' peserta** bermaksud dana pegangan yang mana potongan tabarru' akan dikreditkan ke dalam, sejajar dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dipaparkan di sini.
- (n) **Orang yang dilindungi** bermaksud orang yang hayatnya sedang dilindungi sebagaimana dinamakan dalam jadual kontrak.
- (o) **Keadaan sedia ada** bermaksud sebarang kecederaan, penyakit, keadaan atau simptom yang wujud 12 bulan sebelum tarikh kontrak dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana terkemudian, yang mana:
- (i) rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis telah pun dicadangkan atau diterima;
 - (ii) seseorang yang biasa dan waras yang mengalami kecederaan, penyakit, keadaan atau simptom seharusnya telah mendapatkan nasihat ataupun rawatan yang sepatutnya untuk kesihatannya; atau
 - (iii) kewujudannya telah diketahui oleh anda dan/atau orang yang dilindungi, tanpa mengira sama ada rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis telah pun dicadangkan atau diterima.
- (p) **Qard** bermaksud pinjaman tanpa faedah yang kami sediakan sekiranya berlaku defisit dalam dana tabarru' peserta.
- (q) **Syariah** bermaksud undang-undang Islam. Dalam konteks kontrak ini, Syariah merujuk kepada undang-undang Islam sebagaimana yang ditaksirkan oleh jawatankuasa Syariah.
- (r) **Jawatankuasa Syariah** bermaksud jawatankuasa yang kami bentuk untuk memberi nasihat ke atas operasi perniagaan takaful kami untuk memastikan ia mematuhi Syariah.
- (s) **Penyakit berjangkit tertentu** termasuk:
- (i) **Selsema Avian** bermaksud penyakit berjangkit teruk yang disebabkan oleh virus Influenza A (jenis H5N1 atau H7N9) dan disebarkan kepada manusia melalui sentuhan secara langsung atau rapat dengan unggas yang dijangkiti;
 - (ii) **Demam Chikungunya** bermaksud penyakit berjangkit teruk yang disebabkan oleh virus Chikungunya dan disebarkan kepada manusia melalui nyamuk Aedes;
 - (iii) **Demam Denggi** bermaksud penyakit berjangkit teruk yang disebabkan oleh virus Denggi dan disebarkan kepada manusia melalui nyamuk Aedes;
 - (iv) **Ensefalitis Jepun** bermaksud penyakit berjangkit teruk yang disebabkan oleh virus ensefalitis Jepun dan disebarkan kepada manusia melalui nyamuk Culex;
 - (v) **Malaria** bermaksud penyakit berjangkit teruk yang disebabkan oleh protozoa parasit Plasmodium dan disebarkan kepada manusia melalui nyamuk Anopheles; dan
 - (vi) **Zika atau Jangkitan Virus Zika** bermaksud penyakit berjangkit teruk yang disebabkan oleh virus Zika dan disebarkan kepada manusia melalui nyamuk Aedes.

(vii) Sebarang tuntutan akibat penyakit berjangkit mesti disahkan oleh seorang doktor perubatan berdaftar dan disokong oleh ujian diagnostik (atau ujian setara) yang berikut sebagai bukti muktamad jangkitan:

- **Avian Influenza** - PCR Avian Influenza khusus untuk Avian Influenza jenis H5N1 atau H7N9
- **Demam Chikungunya** - Ujian Antibodi IgM Chikungunya / PCR Chikungunya
- **Demam Denggi** - Ujian Antibodi IgM Denggi / PCR Denggi
- **Ensefalitis Jepun** - Ujian Antibodi IgM Ensefalitis Jepun
- **Malaria** - Ujian parasit Malaria
- **Jangkitan Virus Zika** - Ujian PCR virus Zika

(t) **Jumlah yang dilindungi** bermaksud amaun perlindungan untuk manfaat di bawah kontrak ini seperti yang tertera di dalam jadual kontrak atau di dalam sebarang pengendorsan pada masa hadapan yang menukar jumlah yang dilindungi tersebut.

(u) **Tabarru'** bermaksud amaun sumbangan sukarela yang akan ditolak untuk perlindungan takaful.

(v) **Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)** bermaksud yang berikut:

Jika orang yang dilindungi bekerja atau mengendalikan perniagaan sendiri

Jika orang yang dilindungi berumur antara 18 dan 65 tahun, dan bekerja untuk mendapat gaji atau mengendalikan perniagaan sendiri, mereka akan dianggap sebagai hilang upaya menyeluruh dan kekal jika mereka tidak mampu secara menyeluruh dan kekal untuk melakukan sebarang tugas, pekerjaan atau profesion untuk mendapatkan sebarang gaji, pampasan atau keuntungan. Hilang upaya ini mestilah berlanjutan selama sekurang-kurangnya 6 bulan berturut-turut.

Jika orang yang dilindungi tidak bekerja atau tidak mengendalikan perniagaan sendiri

Jika orang yang dilindungi berumur antara 18 dan 65 tahun, dan tidak bekerja untuk mendapat gaji atau tidak mengendalikan perniagaan sendiri atau merupakan seorang suri rumah sewaktu mengalami hilang upaya, kami menganggap TPD sebagai ketidakmampuan untuk menjalani sekurang-kurangnya 3 daripada 6 aktiviti kehidupan harian (seperti yang dinyatakan di bawah) tanpa bantuan orang lain. Hilang upaya ini mestilah berlanjutan selama sekurang-kurangnya 6 bulan berturut-turut.

- (i) Pemindahan - Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal
- (ii) Pergerakan - Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal
- (iii) Perihal mengawal - Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri;
- (iv) Pemakaian - Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain;
- (v) Mandi/Membersihkan diri - Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki atau keluar dari tempat mandi tab atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain; atau
- (vi) Makan - Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.

TPD merangkumi keadaan seperti berikut:

- (i) Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada kedua-dua belah mata;
- (ii) Kehilangan 2 anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali yang disebabkan oleh pemutusan;
- (iii) Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada 1 belah mata dan kehilangan 1 anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali yang disebabkan oleh pemutusan; atau
- (iv) Lumpuh secara menyeluruh dan kekal.

2 daripada pemeriksa perubatan yang dilantik oleh kami mestilah berpuas hati bahawa hilang upaya orang yang dilindungi telah memenuhi takrifan TPD.

- (w) **Wakalah** bermaksud kontrak agensi di mana pihak, sebagai prinsipal (Muwakkil) membenarkan pihak yang lain sebagai agen (Wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan. Di bawah pelan takaful ini, Anda melantik Sun Life Malaysia Takaful Berhad untuk menguruskan dana takaful berdasarkan kontrak Wakalah.
- (x) **Yuran Wakalah** bermaksud amaun yang dikenakan dari sumbangan anda sebagai balasan untuk kontrak Wakalah bagi kami untuk menampung perbelanjaan pentadbiran dan komisen (yang mana berkenaan).
- (y) **Kami** bermaksud Sun Life Malaysia Takaful Berhad.
- (z) **Anda** bermaksud pemegang kontrak seperti yang tertera di dalam jadual kontrak.

2. Interpretasi

2.1 Di dalam kontrak ini, kecuali konteks memerlukan sebaliknya:

- (a) tajuk di dalam kontrak ini dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak memberi kesan ke atas pembentukannya.
- (b) perkataan tunggal hendaklah merangkumi perkataan majmuk dan sebaliknya.
- (c) perkataan yang merujuk kepada jantina hendaklah merangkumi semua jantina.

2.2 Jika terdapat mana-mana peruntukan di dalam kontrak ini tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang Malaysia, ia tidak akan menjejaskan kesahan, kesahihan atau kebolehuatkuasaan peruntukan lain.

3. Kontrak

3.1 Kontrak ini dikeluarkan setelah mempertimbangkan pembayaran sumbangan seperti yang tertera di dalam jadual kontrak dan adalah bergantung kepada:

- (a) jawapan yang diberikan oleh anda dan/atau orang yang dilindungi dalam permohonan atau sebarang soal selidik berikutnya yang kami berikan atas apa-apa perkara berkaitan permohonan dan sebarang pendedahan yang dibuat oleh anda dan/atau orang yang dilindungi di antara waktu permohonan dan waktu kontrak ini dibuat; dan

(b) laporan perubahan dan apa-apa laporan dan soal selidik yang lain;

(secara kolektif dirujuk sebagai 'maklumat penting')

dan maklumat penting tersebut akan menjadi sebahagian daripada kontrak antara kami dan anda. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat apa-apa salah nyataan prakontrak yang berkaitan dengan maklumat penting telah dibuat, hanya remedi di bawah Jadual 9 dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan dikenakan.

- 3.2 Jika kami memerlukan anda dan/atau orang yang dilindungi, sebelum kontrak takaful berubah, untuk menjawab sebarang soalan atau jika anda dan/atau orang yang dilindungi dikehendaki untuk mengesahkan atau meminda apa-apa perkara berkaitan kontrak yang sebelum ini anda dan/atau orang yang dilindungi dedahkan kepada kami, ia adalah tanggungjawab anda dan/atau orang yang dilindungi untuk mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang didedahkan sebelum ini.
- 3.3 Anda dan/atau orang yang dilindungi mesti memaklumkan kami sebarang perubahan berkaitan dengan maklumat yang telah diberikan kepada kami dalam jawapan anda dan/atau orang yang dilindungi atau sebarang perkara yang sebelum ini didedahkan kepada kami berhubung dengan kontrak ini jika perubahan tersebut telah berlaku selepas anda dan/atau orang yang dilindungi mengemukakan permohonan bagi perubahan tetapi sebelum kontrak diubah.

4. Tempoh semakan percuma

- 4.1 Sekiranya anda membuat keputusan untuk tidak mengambil kontrak ini atas apa jua sebab selepas ia telah dikeluarkan, anda boleh mengembalikannya kepada kami untuk pembatalan dengan memberikan notis bertulis kepada kami dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran kontrak.
- 4.2 Kami akan membayar balik sumbangan yang dibayar.

5. Salah nyata umur dan/atau jantina

- 5.1 Kontrak ini dikeluarkan untuk umur dan/atau jantina orang yang dilindungi seperti yang tertera di dalam jadual kontrak, berdasarkan tarikh lahir dan/atau jantina yang diakui dalam permohonan. Kami memerlukan bukti umur dan/atau jantina orang yang dilindungi sebelum kami membayar sebarang manfaat.
- 5.2 Jika umur dan/atau jantina orang yang dilindungi telah tersalah nyata, kami akan membuat satu daripada penyelarasan seperti berikut:
- (a) Jika sumbangan berdasarkan umur dan/atau jantina orang yang dilindungi yang betul adalah lebih tinggi berbanding dengan sumbangan yang dibayar, kami akan proratakan manfaat-manfaat yang akan dibayar berdasarkan pada nisbah sumbangan sebenar yang telah dibayar dengan sumbangan betul yang perlu dibayar oleh orang yang dilindungi berdasarkan tarikh lahir dan/atau jantina yang betul. Tarikh tamat seperti yang tertera dalam jadual kontrak akan diselaraskan berdasarkan umur yang betul (jika berkenaan); atau
- (b) Jika sumbangan berdasarkan umur dan/atau jantina orang yang dilindungi yang betul adalah lebih rendah berbanding dengan sumbangan yang dibayar, kami akan mengembalikan perbezaan yuran wakalah dan tabarru' daripada dana pengendali dan dana tabarru' peserta. Tarikh tamat seperti yang tertera dalam jadual kontrak akan diselaraskan berdasarkan umur yang betul (jika berkenaan).

6. Klausula perihal tidak boleh dipertikaikan

- 6.1 Jika kontrak ini tidak lagi sah, atas sebab selain daripada penipuan, kami akan membayar balik sumbangan yang dibayar dari tarikh kontrak berkuatkuasa.
- 6.2 Kami tidak boleh mempertikaikan kontrak ini selepas ia telah berkuatkuasa selama 2 tahun dari tarikh dikeluarkan, kecuali terdapat bukti penipuan atau apabila anda tidak membayar sumbangan. Jika kontrak ini telah ditamatkan akibat anda tidak membayar sumbangan dan kami telah mengembalikannya semula di bawah klausa 19, maka ia akan tertakluk kepada klausa 19.

7. Kemampuan untuk melakukan perjalanan dan sebarang sekatan ke atas lokasi tempat kediaman anda dan/atau orang yang dilindungi

- 7.1 Kontrak ini tidak menyekat anda dan/atau orang yang dilindungi daripada melakukan sebarang perjalanan dan tidak dijejaskan oleh lokasi tempat tinggal anda dan/atau orang yang dilindungi.

8. Perubahan kepada kontrak

- 8.1 Kami berhak meminda terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak ini bertujuan untuk mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan Malaysia. Kami akan memberi notis bertulis terlebih dahulu melalui pos biasa ke alamat terakhir anda yang diketahui dalam rekod kami atau melalui mod komunikasi alternatif lain.
- 8.2 Permintaan anda untuk apa-apa perubahan atau pengendorsan kepada kontrak ini tidak akan sah kecuali jika kami benarkan dan kelulusan tersebut hendaklah diendorskan di bawah kontrak ini.

9. Hak dan kegunaan amaun yang terhutang

- 9.1 Kami mempunyai keutamaan atas sebarang amaun terhutang di bawah kontrak ini.
- 9.2 Kami boleh mengimbangi sebarang amaun yang kami terhutang kepada anda (sebagai contoh: manfaat) di bawah kontrak ini dengan sebarang amaun yang anda terhutang kepada kami (sebagai contoh: sumbangan) di bawah kontrak ini.
- 9.3 Sekiranya amaun yang perlu dibayar semasa pengagihan lebihan (jika ada), keuntungan pelaburan (jika ada) dan/atau kematangan kontrak (jika ada) adalah bersamaan dengan atau kurang daripada RM10 bagi setiap pemegang kontrak pada setiap tahun kewangan, ia akan dikreditkan ke akaun bank terkini anda mengikut maklumat dalam rekod kami. Sekiranya butiran akaun bank anda tidak diberikan kepada kami, amaun tersebut akan didermakan kepada pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh jawatankuasa Syariah kami.

10. Penyerahan kontrak

- 10.1 Anda boleh, pada bila-bila masa semasa hayat orang yang dilindungi dan semasa kontrak ini berkuatkuasa, menyerahkan kontrak ini dengan memberi notis bertulis dan mengembalikan kontrak ini kepada kami. Semua manfaat dan hak di bawah kontrak ini akan tamat pada ulangtahun sumbangan patut dibayar selepas menerima notis tersebut.
- 10.2 Disebabkan kontrak ini tidak mempunyai nilai tunai, kami tidak akan membayar sebarang nilai tunai atau pro-rata sumbangan semasa penyerahan kontrak ini.

10.3 Klausula 4 akan dikuatkuasakan jika anda menyerahkan kontrak anda dalam tempoh semakan percuma.

11. Penamatan kontrak

11.1 Kontrak ini akan ditamatkan dalam mana-mana keadaan berikut yang terawal:

- (a) Seperti yang dinyatakan dalam peruntukan-peruntukan manfaat;
- (b) Pada tarikh tamat tertera di dalam jadual kontrak;
- (c) Apabila kontrak ini luput;
- (d) Apabila kontrak ini diserahkan;
- (e) Apabila kontrak ini dibatalkan; atau
- (f) Pada ulangtahun bulanan kontrak sejeurus selepas hari lahir bagi orang yang dilindungi yang ke-80.

12. Pembaharuan

12.1 Kontrak akan diperbaharui setiap tahun tertakluk kepada bayaran sumbangan dalam tempoh tenggang dan terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak ini.

12.2 Tiada dokumen pembaharuan akan dikeluarkan semasa pembaharuan. Kontrak dan jadual kontrak ini akan terus digunakan.

13. Undang-undang

13.1 Kontrak ini dan tanggungjawab kami di bawah kontrak ini adalah tertakluk kepada undang-undang, syarat-syarat, peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Syariah yang sedang berkuatkuasa di Malaysia. Undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan akan meliputi tetapi tidak terhad kepada mana-mana pekeliling, arahan atau garis panduan.

13.2 Sekiranya terdapat perbezaan antara peruntukan-peruntukan kontrak ini dengan mana-mana undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan, undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan tersebut akan dikuatkuasakan.

13.3 Kontrak ini akan ditadbir mengikut undang-undang Malaysia. Sebarang pertikaian akan diuruskan di mahkamah Malaysia.

14. Cukai

14.1 Semua cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai barangan dan perkhidmatan, dan/atau lain-lain bentuk cukai jualan atau kegunaan, sama ada yang berkuatkuasa pada masa ini atau dilaksanakan selepas tarikh kontrak ini akan dikenakan mengikut undang-undang yang berkenaan pada kadar semasa. Jika perlu, kami akan meminda terma-terma kontrak ini untuk mengambil kira cukai-cukai sedemikian.

15. Membayar sumbangan dan tempoh tenggang

15.1 Membayar sumbangan

Semua sumbangan perlu dibayar pada atau sebelum tarikh sumbangan patut dibayar (seperti yang tertera di dalam jadual kontrak atau sebarang pengendorsan pada masa hadapan yang meminda tarikh sumbangan patut dibayar) terus kepada kami.

15.2 Kadar sumbangan

Kadar sumbangan adalah tidak dijamin dan mungkin disemak semula dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis kepada anda sekurang-kurangnya 90 hari lebih awal sebelum ulangtahun kontrak. Semakan akan berkuatkuasa pada ulangtahun kontrak yang berikutnya selepas tempoh notis.

15.3 Penukaran kekerapan bayaran sumbangan

Tertakluk kepada kelulusan daripada kami, anda boleh meminda kekerapan bayaran sumbangan dengan memberi notis secara bertulis kepada kami sebelum tempoh tenggang tamat.

15.4 Tempoh tenggang

Jika anda tidak membayar sumbangan pada atau sebelum tarikh patut dibayar, kami akan membenarkan tempoh tenggang selama 30 hari dari tarikh sumbangan patut dibayar untuk pembayaran sebarang sumbangan. Kontrak ini masih berkuatkuasa dalam tempoh tersebut. Kontrak ini akan luput atau berhenti berkuatkuasa selepas tempoh tenggang.

15.5 Tuntutan ke atas kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)

Sekiranya kami telah meluluskan tuntutan ke atas kematian atau tuntutan ke atas TPD di bawah kontrak ini, dan tuntutan kematian atau TPD orang yang dilindungi berlaku dalam tempoh tenggang, kami akan menolak sebarang amaun yang anda terutang kepada kami dan sumbangan yang perlu dibayar setakat tarikh kejadian daripada manfaat yang perlu dibayar.

16. Wakalah

16.1 Kami akan menolak yuran wakalah daripada sumbangan yang dibayar bagi kontrak ini. Ia adalah peratusan (%) daripada sumbangan seperti yang ditetapkan di bawah jadual yuran wakalah.

16.2 Kami berhak untuk menyemak semula peratusan ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis kepada anda sekurang-kurangnya 90 hari lebih awal. Semakan akan berkuatkuasa pada ulangtahun kontrak yang berikutnya selepas tempoh notis.

16.3 Jika terdapat sebarang keadaan yang dianggap sebagai salah urus dan kecuaiian oleh kami, kami akan mengambil semua tindakan yang perlu untuk membetulkan keadaan sedemikian termasuk menyemak semula prosedur yang berkaitan dan jika diperlukan, untuk mengembalikan sebarang amaun yang terutang kepada para peserta.

16.4 Sekiranya berlaku pembubaran kontrak disebabkan pembatalan dalam tempoh semakan percuma, penyerahan kontrak atau penamatan kontrak, pemulangan semula keseluruhan atau sebahagian yuran wakalah, jika ada, akan menjadi sebahagian daripada amaun yang perlu dibayar.

17. Dana tabarru' peserta

- 17.1 Tabarru' iaitu sumbangan yang dibayar ditolak dengan yuran wakalah, akan diperuntukkan ke dalam dana tabarru' peserta, yang merupakan dana pegangan di mana kami membayar semua manfaat takaful seperti yang dinyatakan di bawah kontrak ini. Dana tabarru' peserta adalah dimiliki secara kolektif oleh kumpulan peserta takaful.
- 17.2 Perlindungan takaful akan dikuatkuasakan apabila terdapat sumbangan ke dalam dana tabarru' peserta.
- 17.3 Amaun tabarru' adalah tidak terjamin dan boleh disemak semula dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis kepada anda sekurang-kurangnya 90 hari lebih awal. Semakan akan berkuatkuasa pada ulang tahun kontrak yang berikutnya selepas tempoh notis.
- 17.4 Kami akan menguruskan aset dana tabarru' peserta dan menentukan bagaimana ia dilabur dan diurus sejajar dengan Syariah. Keuntungan pelaburan (jika ada) akan menjadi sebahagian daripada pengiraan dan pengagihan perkongsian lebihan (jika ada).
- 17.5 Kami akan membayar semua kos, perbelanjaan dan caj untuk pengurusan dan pelaburan aset dana tabarru' peserta serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan dana tabarru' peserta.
- 17.6 Sebarang pengagihan lebihan daripada dana tabarru' peserta selepas pembayaran balik Qard (jika ada), pada akhir tahun kewangan, akan diagihkan setiap tahun dan dikongsi seperti yang berikut:
- (a) 50% kepada kami; dan
 - (b) 50% kepada anda.
- 17.7 Anda layak untuk pengagihan lebihan, jika ada, dengan syarat kontrak anda tidak luput dan tidak diserahkan sebelum akhir tahun kewangan. Sekiranya anda layak untuk pengagihan lebihan tetapi kontrak ini ditamatkan di bawah klausa 11 lampiran ini pada tarikh pengagihan lebihan, maka ia akan tertakluk kepada klausa 9 lampiran ini.
- 17.8 Jika dana tabarru' peserta adalah tidak mencukupi untuk membayar manfaat takaful, kami akan mengaturkan Qard (pinjaman tanpa faedah) dari dana kami untuk membayar kekurangan tersebut. Qard akan dibayar balik apabila dana tabarru' peserta kembali kepada paras lebihan.

18. Nilai tunai

- 18.1 Kontrak ini tidak mempunyai sebarang nilai tunai.

19. Pengembalian semula kontrak

- 19.1 Sekiranya kontrak luput, anda boleh memohon untuk mengembalikan semula dalam tempoh masa 1 tahun dari tarikh sumbangan patut dibayar yang belum dibayar, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) melengkapkan dan menandatangani borang pengembalian semula;
 - (b) memperakui dengan jujur kesemua fakta di dalam borang pengembalian semula;
 - (c) menyediakan semua maklumat (jika ada) yang telah kami minta;

- (d) membayar semua sumbangan tertunggak yang kami tentukan; dan
- (e) sebarang terma dan syarat lain yang mungkin kami kenakan selepas penilaian pengunderaitan kami dan terma-terma dan syarat-syarat yang telah dipersetujui oleh anda pada masa permohonan.

19.2 Sekiranya kami mengetahui terdapat sebarang maklumat yang tidak benar atau disembunyikan, kami akan mengetepikan (seterusnya menamatkan) kontrak yang dikembalikan semula. Kami hanya boleh melakukannya dalam masa 2 tahun pertama selepas pengembalian semula kontrak ini, kecuali kami dapat membuktikan berlaku penipuan atau, jika anda gagal membayar sumbangan.

19.3 Jika kami mengetepikan kontrak yang dikembalikan semula ini (atas sebab selain daripada penipuan), kami akan membayar balik sumbangan yang dibayar bermula dari tarikh pengembalian semula terakhir. Kami tidak akan membayar balik sumbangan yang dibayar sebelum tarikh pengembalian semula.

19.4 Kami tidak akan memberi perlindungan takaful di bawah kontrak ini untuk tempoh di antara tarikh kontrak ini telah luput dan tarikh kami meluluskan pengembalian semula tersebut.

20. Hak milik

20.1 Anda adalah pemilik sah kontrak ini.

20.2 Anda boleh menggunakan semua hak dan pilihan yang disediakan oleh kontrak ini (bergantung kepada hak sebarang penama atau penerima pindahan kontrak ini yang sah di sisi undang-undang).

21. Penyerahan hak (pemindahan hak undang-undang)

21.1 Dari sisi undang-undang kami tidak akan menerima pemindahan kontrak kecuali pemindahan itu berdaftar dengan kami.

21.2 Kami tidak mempunyai sebarang tanggungjawab mengenai kesahihan pemindahan jika anda membuat keputusan untuk memindah kontrak ini.

22. Penama

22.1 Pemegang kontrak yang telah mencapai umur 16 tahun, boleh menamakan seseorang untuk menerima manfaat-manfaat yang perlu dibayar apabila pemegang kontrak meninggal dunia di bawah kontrak takaful sama ada sebagai wasi, atau sebagai benefisiari di bawah hibah bersyarat. Penamaan boleh dibuat semasa permohonan kontrak atau pada bila-bila masa selepas kontrak dikeluarkan.

22.2 Penama yang dinamakan di dalam borang penamaan atau mana-mana pindaan yang anda buat pada masa hadapan, akan menerima manfaat kematian mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Anda boleh membatalkan atau menukar penama pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Notis bertulis mestilah kami terima dan daftarkan semasa hayat orang yang dilindungi. Pembatalan dan perubahan penama akan berkuatkuasa dari tarikh kami menerima notis bertulis tersebut.

23. Notis tuntutan

23.1 Anda atau wakil sah anda mestilah memberi notis bertulis mengenai tuntutan di ibu pejabat kami dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh kejadian yang dilindungi berlaku.

24. Bukti tuntutan

24.1 Bukti tuntutan yang memuaskan perlu diberikan kepada kami dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh pemberian notis tuntutan kepada kami, atas perbelanjaan anda sendiri atau wakil sah anda.

24.2 Kami berhak untuk meminta sebarang dokumen (dokumen-dokumen) tambahan lain sekiranya perlu untuk menyokong tuntutan.

24.3 Kami berhak untuk meminta orang yang dilindungi untuk menjalani pemeriksaan perubatan pada bila-bila masa oleh pemeriksa yang berkelayakan dari segi undang-undang dan yang kami lantik, atas perbelanjaan kami, untuk menyokong tuntutan.

25. Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat (FATCA)

25.1 Tidak berkenaan

SAMPLE

LAMPIRAN TTM003

Peruntukan manfaat - Manfaat kematian

1. Manfaat kematian

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan am, sewaktu kontrak ini berkuatkuasa, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian orang yang dilindungi dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar manfaat sekali gus berdasarkan jumlah yang dilindungi tertera di jadual kontrak, yang dibayar dari dana tabarru' peserta.
- 1.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang anda terhutang kepada kami.
- 1.3 Kontrak ini akan ditamatkan selepas kematian orang yang dilindungi atau pembayaran tuntutan di bawah manfaat ini.

2. Manfaat kematian akibat penyakit berjangkit tertentu

- 2.1 Tertakluk kepada peruntukan am, sewaktu kontrak ini berkuatkuasa, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian orang yang dilindungi secara langsung akibat penyakit berjangkit tertentu dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar manfaat sekali gus berdasarkan jumlah yang dilindungi tertera di jadual kontrak, yang dibayar dari dana tabarru' peserta.
- 2.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang anda terhutang kepada kami.
- 2.3 Kontrak ini akan ditamatkan selepas kematian orang yang dilindungi atau pembayaran tuntutan di bawah manfaat ini.

3. Pengecualian-pengecualian

- 3.1 Tiada manfaat akan dibayar jika kematian adalah akibat daripada:
 - (a) bunuh diri (waras atau tidak waras) dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kontrak dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana terkemudian; atau
 - (b) keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kontrak dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana terkemudian.

Dalam kes ini, kontrak akan ditamatkan dan jumlah sumbangan yang dibayar akan dikembalikan tanpa faedah.

- 3.2 Bagi kematian akibat jangkitan penyakit tertentu, tiada manfaat akan dikenakan atau dibayar jika kematian berlaku secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana kejadian yang berikut:
 - (a) Kejadian yang dilindungi iaitu Demam Denggi, Demam Chikungunya, Malaria, Ensefalitis Jepun, Selsema Avian atau Jangkitan Virus Zika berlaku dalam tempoh 30 hari dari tarikh kontrak berkuatkuasa atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana terkemudian; atau
 - (b) Sebab-sebab lain selain daripada Demam Denggi, Demam Chikungunya, Malaria, Ensefalitis Jepun, Selsema Avian atau Jangkitan Virus Zika berlaku; atau

- (c) Sebarang keadaan sedia ada.
Dalam kes ini, kontrak akan ditamatkan dan jumlah sumbangan yang dibayar akan dikembalikan tanpa faedah.

4. Prosedur tuntutan

- 4.1 Bukti kematian yang memuaskan perlu dikemukakan kepada kami dalam tempoh 30 hari selepas tarikh kematian tersebut. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan menyebabkan tuntutan tersebut tidak sah jika ia dapat ditunjukkan bahawa secara munasabah tidak mungkin untuk memberikan notis tersebut dan notis telah diberikan dengan segera dalam masa yang munasabah.
- 4.2 Kami akan menyediakan borang tuntutan yang sewajarnya kepada penuntut semasa pemberitahuan tuntutan. Kami juga memerlukan semua dokumen dan maklumat yang berkaitan untuk menilai tuntutan dengan secepat mungkin.
- 4.3 Kami hanya akan menilai tuntutan tersebut selepas kami menerima semua dokumen, maklumat dan bukti yang diperlukan.

5. Penamatan perlindungan

- 5.1 Perlindungan takaful orang yang dilindungi akan tamat apabila berlakunya kejadian-kejadian berikut:
 - (a) Apabila orang yang dilindungi meninggal dunia;
 - (b) Seperti yang tertera dalam peruntukan manfaat bagi manfaat-manfaat TPD;
 - (c) Pada tarikh tamat tertera di dalam jadual kontrak;
 - (d) Apabila kontrak ini luput;
 - (e) Apabila kontrak ini diserahkan;
 - (f) Apabila kontrak ini dibatalkan; atau
 - (g) Pada ulangtahun bulanan kontrak sejurus selepas hari lahir orang yang dilindungi yang ke-80.

LAMPIRAN TTM004

Peruntukan manfaat - Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)

1. Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)

- 1.1 Manfaat ini hanya berkenaan sekiranya orang yang dilindungi mengalami TPD seperti yang ditakrif, sewaktu kontrak ini berkuatkuasa, dan TPD bermula pada atau selepas tarikh berkuatkuasa.
- 1.2 Tertakluk kepada peruntukan am, sewaktu kontrak ini berkuatkuasa dan sebelum tarikh ulangtahun bulanan sejurus selepas orang yang dilindungi mencapai umur 65 tahun, sekiranya kami menerima bukti yang memuktamad bahawa orang yang dilindungi telah mengalami TPD dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar manfaat sekali gus berdasarkan jumlah yang dilindungi seperti tertera di dalam jadual kontrak, yang dibayar dari dana tabarru' peserta.
- 1.3 Kami akan menolak sebarang amaun yang anda berhutang kepada kami.
- 1.4 Kontrak akan ditamatkan selepas pembayaran tuntutan di bawah manfaat ini.

2. Manfaat TPD akibat penyakit berjangkit tertentu

- 2.1 Tertakluk kepada peruntukan am, sewaktu kontrak ini berkuatkuasa, sekiranya kami menerima bukti yang memuktamad mengenai TPD (seperti yang ditakrif) orang yang dilindungi secara langsung akibat penyakit berjangkit tertentu dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar manfaat sekali gus berdasarkan jumlah yang dilindungi tertera di jadual kontrak, yang dibayar dari dana tabarru' peserta.
- 2.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang anda berhutang kepada kami.
- 2.3 Kontrak akan ditamatkan selepas kematian orang yang dilindungi atau pembayaran tuntutan di bawah manfaat ini.

3. Had manfaat-manfaat TPD

- 3.1 Manfaat-manfaat TPD akan tamat pada ulangtahun bulanan kontrak sejurus selepas hari lahir orang yang dilindungi yang ke-65.
- 3.2 Jumlah agregat maksimum untuk manfaat TPD yang dibayar bagi orang yang dilindungi di bawah kontrak ini dan semua kontrak atau sijil individu dan berkelompok yang lain yang kami keluarkan tidak akan melebihi RM2,000,000.
- 3.3 Jika manfaat TPD yang dibayar di bawah kontrak ini adalah kurang daripada jumlah yang dilindungi untuk manfaat kematian, pada tarikh TPD bermula, perlindungan takaful atas kematian akan diteruskan untuk baki jumlah yang dilindungi. Jumlah yang dilindungi untuk manfaat kematian untuk sepanjang tempoh masa hadapan akan dikurangkan selaras dengan nisbah yang mana manfaat TPD yang telah dibayar kepada jumlah yang dilindungi pada tarikh TPD bermula. Pengurangan jumlah yang dilindungi untuk manfaat kematian akan berkuatkuasa dari tarikh TPD bermula.

4. Pengecualian-pengecualian

- 4.1 Tiada manfaat akan dibayar jika TPD adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana yang berikut:
- (a) Keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan pertama dari tarikh kontrak dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana terkemudian;
 - (b) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), komplikasi yang berkaitan AIDS, atau orang yang dilindungi dijangkiti Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV);
 - (c) Berada di bawah pengaruh dadah atau sebarang narkotik atau kerana mabuk disebabkan oleh minuman keras dan/atau bahan terlarang;
 - (d) Perbuatan jenayah, terlibat dalam pelanggaran undang-undang (kecuali sebagai pihak tidak bersalah) atau menjadi ahli organisasi haram;
 - (e) Memasuki, mengendali atau menyelenggara, naik atau turun dari atau dengan menggunakan apa-apa peranti atau pengangkutan udara melainkan ketika orang yang dilindungi itu berada dalam sesebuah pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan penumpang komersil yang dalam perjalanan tetap berjadual membawa penumpang menggunakan laluan penumpangnya yang telah ditetapkan;
 - (f) Penyertaan dalam sebarang sukan atau hobi atau aktiviti yang berbahaya, termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti udara, terjunan bungee, memanjat batu atau mendaki gunung, aktiviti di bawah air, atau sebarang bentuk perlumbaan kecuali perlumbaan kaki;
 - (g) Kecederaan ke atas diri sendiri atau bunuh diri, semasa waras atau tidak waras; atau
 - (h) Peperangan, serangan, tindakan permusuhan asing, pertempuran atau operasi semacam peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, perang persaudaraan, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kekacauan awam yang mengandaikan pembahagian atau membawa kepada kebangkitan, ketenteraan atau rampasan kuasa.
- 4.2 Bagi TPD akibat jangkitan penyakit tertentu, tiada manfaat akan dikenakan atau dibayar jika ketidakupayaan berlaku secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana kejadian yang berikut:
- (a) Kejadian yang dilindungi iaitu Demam Denggi, Demam Chikungunya, Malaria, Ensefalitis Jepun, Selsema Avian atau Jangkitan Virus Zika berlaku dalam tempoh 30 hari dari tarikh kontrak berkuatkuasa atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana terkemudian; atau
 - (b) Sebab-sebab lain selain daripada Demam Denggi, Demam Chikungunya, Malaria, Ensefalitis Jepun, Selsema Avian atau Jangkitan Virus Zika berlaku; atau
 - (c) Sebarang keadaan sedia ada.
Dalam kes ini, kontrak akan ditamatkan dan jumlah sumbangan yang dibayar akan dikembalikan tanpa faedah.

5. Prosedur tuntutan

- 5.1 Anda atau wakil sah anda perlu menghantar notis bertulis kepada kami dalam tempoh 30 hari untuk membuat tuntutan bagi manfaat TPD selepas tarikh ketidakupayaan tersebut.
- 5.2 Bukti TPD yang memuaskan perlu diberikan sebelum kami mempertimbangkan tuntutan ini atas perbelanjaan anda atau wakil sah anda.
- 5.3 Kami tidak akan mempertimbangkan sebarang ketidakupayaan yang berlangsung kurang daripada 6 bulan.
- 5.4 Kami berhak untuk meminta orang yang dilindungi untuk menjalankan pemeriksaan perubatan pada bila-bila masa oleh pemeriksa berkeelayakan dari segi undang-undang yang kami lantik atas perbelanjaan kami untuk menyokong tuntutan TPD.

6. Penamatan perlindungan

- 6.1 Perlindungan takaful orang yang dilindungi akan tamat apabila berlakunya kejadian-kejadian berikut:
 - (a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat TPD, jika ia adalah bersamaan dengan jumlah yang dilindungi bagi manfaat kematian. Sekiranya manfaat TPD yang perlu dibayar adalah kurang daripada jumlah yang dilindungi bagi manfaat kematian, kontrak ini tidak akan tamat dan perlindungan kematian akan diteruskan;
 - (b) Apabila orang yang dilindungi meninggal dunia;
 - (c) Pada tarikh tamat tertera di dalam jadual kontrak;
 - (d) Apabila kontrak ini luput;
 - (e) Apabila kontrak ini diserahkan;
 - (f) Apabila kontrak ini dibatalkan; atau
 - (g) Pada ulangtahun bulanan kontrak sejurus selepas hari lahir bagi orang yang dilindungi yang ke-65.